

'BINGKAI' LAPORAN BERITA ISU TANAH DI ULU KIULU, SABAH DAN PENGARUHNYA KE ATAS PEMILIK TANAH, PENDAPAT PEMIMPIN, SUHAKAM DAN AGENSI KERAJAAN NEGERI

*('Framing' of News of Land Issue in Upper Kiulu, Sabah and
Its Influences on Land Owner, Leader's Opinion, SUHAKAM
and the State Government)*

*Syahrudin B. Hj. Awg. Ahmad, Fadzilah Majid Cooke
Gaim@James Lunkapis & Marja Azlima Bt. Omar*

Abstract

The procedure of applying 'framing' technique in producing newscontent can be analyzed by using three approaches, namely, types of issues reported in local newspapers, news sources and the implicit goals enacted to publish such a news. Editors of local newspapers have a tendency to portray parties involved in land issues. News are framed in two ways. First, the content should display the empowerment of rights amongst landowners. Secondly, to highlight the functions of SUHAKAM, opinion leaders and states government to verify who's who behind the rules and regulations regarding land issues in Sabah.

Pengenalan

Sistem Komunikasi Massa merangkumi komponen pengirim mesej, medium penyampaian mesej, penerima mesej dan maklumbalas penerima terhadap mesej kepada pengirim atau sumber mesej tersebut. Sistem ini akan mengalami kitaran secara konsisten sekiranya pengguna medium penyampaian mesej terus memberi perhatian terhadap mesej yang dipaparkan di dalamnya. Dalam konteks pengguna media di Sabah medium penyampaian mesej yang dekat pada diri mereka adalah akhbar-akhbar tempatan. Ini yang demikian kerana isu yang dilaporkan dalam akhbar-akhbar tempatan bersifat "dekat' di hati pembaca terutama apabila menyentuh tentang masalah setempat, ideologi dan aspirasi rakyat Negeri ini dan paling utama sumber yang dipetik dalam laporan berita akhbar tempatan adalah individu, kumpulan dan organisasi yang berada di sekitar tempat mereka tinggal. Apabila kita memperkatakan tentang komunikasi, kita bukan setakat memperkatakan tentang pemindahan maklumat dari pihak pengirim kepada penerima maklumat sahaja di mana para wartawan mendapatkan sumber berita,

menyusun maklumat dan mengubahnya menjadi format laporan berita akhbar dan siap untuk diterbitkan. Kita sebenarnya memperkatakan tentang pembabitan ahli masyarakat. Komunikasi massa menerusi akhbar meliputi tentang apa yang diperkatakan oleh ahli-ahli komuniti dan institusi dalam masyarakat sebagai sumber berita.¹ Akhbar tempatan di Sabah seperti *The Daily Express*, *Borneo Post* dan *The New Sabah Times* berfungsi sebagai medium penyalur maklumat kepada penduduk negeri ini. Fungsi akhbar sebagai medium yang menghubungkan persekitaran dan peristiwa yang berlaku dalam rutin harian masyarakat dengan ahli-ahli masyarakat sebagai pembaca menjadi intipati kepada kandungan laporan berita akhbar yang berkenaan. Empat aspek asas dalam kemelut isu tanah di Ulu Kiulu yang dibentuk oleh editor sebagai kandungan laporan berita ketiga-tiga akhbar ini antaranya termasuklah, pertama, punca isu tanah timbul; kedua, pihak yang terlibat; ketiga, keseriusan isu seperti yang dilaporkan oleh sumber berita; dan, keempat, rekabentuk pelan penyelesaian ke atas isu yang dilaporkan.

Gunther dan Christen menyebutkan dalam rumusan kajian mereka bahawa pembaca akhbar umumnya cenderung untuk melihat pendapat umum yang menyebelahi diri mereka terutama dalam isu yang dipaparkan dalam berita yang berkaitan dengan diri mereka.² Analisis kandungan ini menunjukkan bahawa pembaca yang terlibat atau sekurang-kurangnya mempunyai pengetahuan asas berkaitan dengan isu yang dilaporkan dalam akhbar akan lebih tertarik kepada apa yang dilaporkan di dalam akhbar dan dalam masa yang sama mereka seringkali beranggapan bahawa laporan tersebut ditulis dengan maksud untuk membantu mereka untuk menyelesaikan isu yang berkenaan. Bagi pihak editor akhbar pula, menerusi paparan berita pembaca dijangkakan boleh memberikan pendapat masing-masing berdasarkan persepsi mereka terhadap sumber berita untuk isu tanah di Ulu Kiulu.

Rumusan kajian ini boleh dikaitkan dengan realiti pemberitaan isu tanah di akhbar-akhbar tempatan di Sabah sama ada dari sudut kandungan mahu pun bilangan laporan berita tersebut. Berdasarkan sampel akhbar yang dianalisis bermula bulan Jun 2001 hingga Mac 2006 menunjukkan bahawa 45 peratus berita adalah berkaitan dengan tanah adat (*ative Customary Rights* dan *Native Title*), 20 peratus urustadbir tanah, 20 peratus dasar berkaitan dengan tanah dan baki 15 peratus lagi melaporkan penglibatan badan bukan kerajaan dalam menangani isu tanah di Sabah amnya dan Ulu Kiulu, khasnya.

Perubahan dalam konteks pembangunan ekonomi dan sosial sesebuah masyarakat dipengaruhi sebahagiannya oleh perkembangan teknologi dan sebahagian lagi oleh pembangunan setempat yang bertindak sebagai petunjuk ekonomi masyarakat itu dari masa ke semasa. Sebahagian lagi dipengaruhi oleh peranan pemimpin pendapat dalam masyarakat yang terlibat dengan isu untuk tampil sebagai wakil komuniti untuk menyuarakan nasib massa kepada pihak pemerintah dan kumpulan masyarakat lain.³ Tindakan menonjolkan pemimpin pendapat untuk menjelaskan mesej pihak yang terlibat dengan isu sebenarnya didorong oleh nilai kemanusiaan dalam konteks maruah, keadilan sosial, hak sama rata dan keselamatan. Nyata, bahawa fungsi media digembleng sebaik mungkin menerusi laporan berita isu tanah di Sabah. Semua tindak-tanduk pemimpin pendapat dan pembangunan ekonomi dan sosial ini diguna pakai sebaik-baiknya sebagai bahan berita oleh akhbar.

Pihak editor akhbar tempatan di Sabah turut merumuskan empat gagasan idea tentang sebab atau alasan mengapa sumber berita di pihak kerajaan

mengutamakan pelaksanaan dasar pertanian mengikut rekabentuk pelan kerajaan dan bukan realiti kehidupan dan rutin bidang pertanian di kawasan pertanian pindah di Ulu Kiulu. Antaranya; pertama, kerajaan dianggap dan diyakini sebagai mempunyai kredibiliti untuk membuat keputusan di peringkat pembuat dasar dan ini secara langsung memberi kuasa kepada agensi-agensinya untuk mencadang atau membantah mana-mana perkara yang berada di bawah bidang kuasanya; kedua, saluran media mutlak di Sabah adalah akhbar tempatan dan sebilangan besar akhbar ini mempunyai susurgalur dan jaringan yang ada kepentingan kepada pihak pembuat dasar khususnya dalam rangka rancangan pengekalan kuasa politik; ketiga, isu yang timbul dan menjadi topik laporan berita umumnya memberi implikasi negatif kepada kerajaan negeri dan agensi-agensi di bawahnya; dan keempat, isu tanah umumnya adalah sensitif kepada semua pihak dan pihak Kerajaan Negeri mempunyai agenda untuk menentukan bahwa setiap tanah dilabelkan berada dalam keadaan sah dan terjaga di bawah kawalan pihak kerajaan.

Menurut Faridah, dari segi autonomi, wartawan diberi kebebasan untuk menghasilkan apa yang diperolehi daripada sumber berita yang sahih tetapi berita-berita yang membabitkan soal dasar serta isu sensitif akan diteliti dan ditapis terlebih dahulu sebelum boleh disiarkan sebagai bahan berita agar apa yang disampaikan adalah tepat dan menepati dasar editorial akhbar masing-masing.⁴ Dasar editorial ini umumnya cuba mengelakkan situasi tegang antara pemerintah dan rakyat mahu pun di kalangan rakyat itu sendiri yang hidup dalam masyarakat yang berbilang kaum.

Akhbar Tempatan dan 'Bingkai' Berita Isu Tanah

Akhbar memainkan peranan sebagai penyampai maklumat semasa yang berlaku dalam persekitaran masyarakat yang membaca akhbar tersebut. Akhbar tempatan di Sabah seperti *The Daily Express*, *The Borneo Post* dan *The New Sabah Times* memikul tugas ini dengan jayanya dan hakikat bahawa ia dapat diterima sebagai alat untuk mengetahui sesuatu peristiwa yang berlaku di Negeri ini.

Istilah *frame* atau '*bingkai*' merujuk kepada satu set jangkaan atau harapan yang spesifik yang digunakan untuk memahami suatu situasi.⁵ Konsep '*bingkai*' ini dibataskan kepada individu yang mentafsir makna sesuatu kejadian namun apabila konsep *frame* ini dikembangkan kepada bidang komunikasi, ia merujuk kepada komunikator dan media massa. Di mana kedua-dua segmen ini mentafsir sesuatu realiti dan membentuk makna tertentu untuk dihebahkan kepada audien. Pendekatan '*bingkai*' dalam komunikasi massa berlaku apabila media massa mentafsir sesuatu kejadian berdasarkan kepada set-set pengetahuan dan kepercayaannya sendiri. Set-set pengetahuan dan nilai kepercayaan yang digunakan oleh para wartawan dalam mentafsir suatu kejadian atau isu yang hendak dilaporkan itu, selalunya selari dengan ideologi pihak editorial media yang diwakilinya.

To frame is to select some aspects of a perceived reality and make them more salient in a communicating context, in such a way as to promote a particular problem definition, causal interpretation, moral evaluation, and/or treatment recommendation for the item described.⁶

Aspek 'politik media' ini digarapkan sebagai sebahagian daripada aspirasi pihak editor akhbar untuk melihat realiti dapat disebarikan untuk dihakimi oleh pembaca-pembaca akhbar mereka. Pihak editor bukan setakat mendukung prinsip kebebasan akhbar semata-mata malah lebih dari itu bertindak sebagai penjana perubahan dalam masyarakat.

Secara amnya, apabila kita membincangkan tentang *framing*, ia harus dilihat dari dua sudut iaitu dari pihak media dan audien. Oleh itu, akan ada dua jenis 'bingkai' yang terbentuk dalam proses pentafsiran mesej iaitu 'bingkai' yang dibentuk oleh media dan 'bingkai' yang dibentuk oleh audien.⁷

The news frame organizes everyday reality and the news frame is part and parcel of everyday reality...(it) is an essential feature of news.⁸

Bagi audien yang menerima maklumat dari media massa pula, untuk memahami mesej yang cuba disampaikan, mereka menggunakan 'bingkai' individu (*Individual Frames*). Konsep ini ditakrifkan oleh Entman⁹ menyatakan sebagai "idea-idea yang disimpan secara berkelompok di dalam minda yang kemudiannya membimbing individu yang berkenaan untuk tahu dan faham bagaimana memproses maklumat. Dengan kata lain, ketika audien mendengar atau membaca berita, mereka sebenarnya mentafsir dan dalam masa yang sama membentuk pemahaman mereka terhadap isi kandungan berita tersebut dari satu konteks tertentu dengan bersandarkan kepada idea-idea atau nilai-nilai yang sudah ada dalam diri mereka.¹⁰

Meskipun wujud 'bingkai' individu di dalam diri audien namun kesan daripada tindakan media yang memilih hanya sebahagian daripada realiti untuk melaporkan sesuatu perkembangan berkaitan isu semasa serta kecenderungannya untuk memfokus atau memperbesar-besarkan aspek itu sahaja, menyebabkan audien mempersepsikan isu itu sebagaimana yang ditentukan oleh media.

'Bingkai' Media dan 'Bingkai' Tema dalam Laporan Berita Isu Tanah di Ulu Kiulu

Kajian ini menggunakan 'bingkai' yang direkacipta oleh akhbar tempatan di Sabah. Akhbar-akhbar ini mengutarakan idea yang tersusun dan ada jangkaan atau sasaran yang ingin dicapai. Dalam konteks isu tanah di Ulu Kiulu, akhbar tempatan di Sabah berusaha mengetengahkan idea tentang cabaran untuk menangani isu tanah dari perspektif beberapa pihak yang terbabit. 'Bingkai' berita menonjolkan secara jelas tentang intipati isu tanah iaitu, pertama, fungsi pihak berkuasa dalam pengurusan hakmilik tanah oleh pemilik tanah; dan kedua, bagaimana dasar kerajaan ditadbir untuk menentukan isu lain seperti hakisan tidak berlaku jika penguatkuasaan larangan penebangan pokok di lereng bukit untuk tujuan pertanian pindah pada kecerunan 25 darjah dihentikan.

"*Thematic frame*" bermaksud media membuat laporan berita mengenai sesuatu isu berdasarkan kepada satu tema utama. Contohnya, perkara yang paling penting dalam konteks isu tanah adalah kemelut tuntutan hak milik tanah dan juga dasar gunatanah untuk pertanian pindah. Akhbar tempatan di Sabah telah menyiarkan pelbagai laporan berita yang secara tidak langsung, menekankan kepada permasalahan itu. Antara berita yang ada kaitan dengan tuntutan hak milik tanah ialah masalah birokrasi di Pejabat Jabatan Tanah Dan Ukur Daerah Tuaran,

pertindihan permohonan tanah dan juga sikap kakitangan Jabatan berkenaan yang dikatakan tidak serius dalam menjalankan tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Secara keseluruhan, sebilangan besar berita berkaitan dengan isu tanah yang dilaporkan akhbar-akhbar tempatan adalah dari jenis '*bingkai*' tema. Ia secara jelas mempamerkan dua tema utama iaitu, tema dasar gunatanah untuk pertanian pindah dan tuntutan hakmilik tanah.

Sumber-Sumber Berita

Terdapat tiga sumber berita yang mewarnai pelaporan berita isu tanah di Ulu Kiulu, antaranya termasuklah pemimpin pendapat dari kalangan ahli politik, pesara sektor kerajaan dan pemimpin persatuan penulis Kadazan Dusun [KOMDUS], manakala, SUHAKAM sebagai agen penerima aduan berkaitan dengan isu hak asasi kemanusiaan membabitkan tuntutan hak milik tanah dan pihak Kerajaan Negeri Sabah sebagai sumber formal untuk mengetahui saranan dalam bentuk dasar gunatanah pertanian.

Pendapat Pemimpin Sebagai Sumber Berita

Menurut Mohd. Hamdan Haji Adnan¹¹ pendapat adalah pernyataan sikap seseorang manusia terhadap satu-satu isu atau permasalahan dalam diri dan masyarakatnya. Sikap ini akan mendorong kepada perlakuan yakni tindakan untuk mengatasi isu atau permasalahan tersebut. Jika pendapat perseorangan bertukar menjadi pendapat yang bersifat umum atau dihimpunkan daripada sekumpulan manusia ia disebut sebagai pendapat umum. Setiap pendapat yang mengkritik, mencadang atau mempersoalkan satu-satu isu timbul daripada seorang sumber yang disebut sebagai pemimpin pendapat. Individu yang disebut sebagai pemimpin pendapat ini mempunyai ketrampilan sebagai sumber berita yang sah untuk memberikan sebarang pendapat berkaitan dengan satu-satu isu.

Pemimpin Pendapat di Ulu Kiulu terutama di kampung-kampung seperti Pukak, Bulatikon dan Lubok memainkan peranan sebagai jurucakap mewakili kumpulan penduduk yang terlibat dalam isu kecerunan dan kesesuaian tanah untuk kegunaan pertanian pindah. Diskusi sesama penduduk kampung dengan pemimpin pendapat dari kalangan pesara kerajaan, bekas Pemimpin Kemajuan Rakyat (PKR) dan orang perseorangan mampu menghasilkan idea yang konstruktif untuk menyelar tindakan kerajaan atau pihak-pihak tertentu yang cuba atau telah mengambil peranan mereka sebagai pemilik tanah yang sah.

Pembabitian parti politik adalah jelas dalam isu tanah di Sabah amnya dan Ulu Kiulu khasnya. Dua parti politik yang secara terang-terangan menerusi tokoh politik masing-masing telah mendedahkan isu hak milik tanah dan peranan agensi kerajaan berkaitan dengan tanah adalah parti UPKO dan PBS. Kedua-dua parti menerusi tokoh pemimpinnya telah berusaha secara kritikal dan konsisten untuk menarik perhatian pihak berkuasa agar segera menilai seterusnya mengambil tindakan yang perlu untuk menyelesaikan isu hak milik tanah dan isu kesesuaian tanah untuk kegunaan pertanian.¹²

Isu hak milik tanah sebagaimana yang dilaporkan dalam keratan akhbar menceritakan serba sedikit tentang peranan individu.

“The Tuaran district office is also working with me very closely in this effort, “ said Tangau. Tangau said they had already advised villagers in four mukims in the state constituencies of Kiulu and Tamparuli to prepare the plan. “And I am using my MP allocation to pay for the land registration for all the applicants. We have now more than 3,000 applicants all over Tamparuli and Kiulu, “he added. “ I have been given assurance that once their village is approved as a pre-planned area. This way, their land will be safe, legally, “

[“MP: Approve Genuine NCR Land Directly,” *The Borneo Post*, 11 Mei 2004]

Menggambarkan usaha berkelompok yang ditaja oleh wakil rakyat secara terang-terangan. Pemimpin pendapat memainkan peranan penting untuk membuka jalan dan memudahkan penyelesaian isu yang sedang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kawasan berkenaan.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia [SUHAKAM] Sebagai Sumber Berita

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) ditubuhkan dengan tujuan untuk menyiasat aduan berkenaan dengan pelanggaran hak asasi manusia yang disebut dalam Seksyen 12 (Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia [SUHAKAM] 1999). Hak asasi manusia yang ditakrifkan dalam Akta ini antara lain termasuklah hak untuk hidup selesa, hak ke atas harta benda dan seumpamanya. Dalam isu tanah di Sabah, SUHAKAM boleh dikategorikan sebagai perantara. Sebagai perantara atau orang tengah SUHAKAM mengambil pendirian berkecuali. Badan ini diberikan kebebasan untuk menerima aduan, menghebahkan menerusi media berkaitan dengan aduan dan memberi cadangan kepada pihak-pihak yang terlibat dengan isu tanah tentang kaedah terbaik untuk menangani isu tersebut.

Isu aktiviti pertanian pindah yang dipaparkan dalam keratan akhbar antara lain dinyatakan seperti berikut,

“...to a question on NCLR in respect of shifting cultivation, panelist Datuk Herman Luping opined that the land involved should be considered ancestral land therefore ‘NCR’ land. In shifting cultivation in Penampang and Kiulu, in particular, the farmers plant padi on the hill after which they leave the land for another destination. They return to the land after seven years to allow for fertility of the soil...”

(Banking On SUHAKAM To Rectify The Wrongs” – *The Daily Express* 2004)

Laporan berita ini secara jelas menggambarkan peranan SUHAKAM sebagai perantara yang menghubungkan antara rakyat dan kerajaan dalam hal berkaitan dengan perundingan masalah hak milik tanah di Sabah.

Agensi Kerajaan Negeri Sebagai Sumber Berita

Media massa dalam konteks laporan akhbar, siaran berita media elektronik mahu pun diskusi terbuka di kalangan ahli-ahli masyarakat mempunyai peranan yang

jasas dan penting untuk merapatkan jurang kefahaman antara pemerintah dan yang diperintah. Walau bagaimana pun, Pradip dan Zaharom¹³ berpendapat bahawa wujud satu jaringan yang mengawal dan menentukan bahan siaraya untuk terbitan media cetak dan elektronik di antara pihak Kerajaan dengan wakil-wakil media. Jaringan ini terbentuk di atas kehendak dan kepentingan kedua-dua pihak. Walau bagaimana pun, dalam konteks isu tanah di Ulu Kiulu, agensi kerajaan Negeri dilihat sebagai 'antagonist' kepada keperluan dan kehendak para pemilik tanah.

Tatacara Mem'bingkai' Berita Isu Tanah di Ulu Kiulu

Editor akhbar-akhbar tempatan di Sabah berpendapat bahawa setiap isu tanah yang dipaparkan dalam akhbar mereka mempunyai nilai berita yang tinggi. Hal yang demikian berlaku kerana sumber yang dipetik dalam laporan berita berkenaan mempunyai kredibiliti yang tinggi untuk dipaparkan sebagai sumber berita isu tersebut.

Tiga sumber berita yang diklasifikasikan sebagai sumber mutlak adalah, pertama, pemimpin pendapat dari kalangan tokoh politik setempat; kedua, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia [SUHAKAM]; dan ketiga agensi kerajaan yang berkenaan. Ketiga-tiga sumber berita ini bertindak sebagai agen saluran ketidakpuasan hati pemilik tanah yang menjadi fokus isu yang dilaporkan dalam akhbar.

Pihak akhbar menerusi editor akan memilih bahan yang mempunyai kepentingan kepada pemilik tanah, pemimpin pendapat dari kalangan ahli politik Sabah, agensi kerajaan Negeri dan SUHAKAM sebagai badan yang memperjuangkan hak asasi kemanusiaan dalam soal hak milik tanah.

'Bingkai' Berita Dasar Gunatanah Untuk Pertanian Pindah

Dari sudut pandangan penduduk setempat di Ulu Kiulu, tindakan pihak kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah [KPIMS] dianggap sebagai cuba membentuk satu halatuju pembangunan pertanian peringkat Negeri yang bersifat 'berat sebelah'. Laporan akhbar menyatakan bahawa tindakan pihak kerajaan melarang sebarang bentuk aktiviti pertanian di lereng bukit yang berukuran 25 darjah sebagai satu usaha untuk mengelakkan kejadian tanah runtuh akibat penerokaan tanah di kawasan lereng bukit. Walau bagaimanapun, realitinya pertanian pindah di kawasan yang dilaporkan dalam laporan akhbar itu telah dijalankan sejak lebih 30 tahun yang lampau.¹⁴ Alasan pihak KPIMS menerusi kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri bahawa tumbuhan pengikat bumi dan kayu-kayuan akan hilang dalam satu jangkamasa yang singkat akibat penebangan hutan yang tidak terancang tidak boleh diterima oleh penduduk beberapa buah kampung di Ulu Kiulu. Dua perkara yang menjadi intipati perdebatan di kalangan penduduk setempat dan pihak SUHAKAM terhadap isu tanah yang membabitkan aktiviti pertanian pindah ini adalah, pertama, agensi kerajaan Negeri yang berkenaan dilihat cuba mengubahsuai kaedah pertanian pindah yang mengikut tradisi seperti yang sedia ada kepada satu pelan pertanian terancang yang tidak menyebelahi mereka (petani) dari sudut hak dan adat resam mereka; dan kedua, isu kecerunan pada kadar 25 darjah di kawasan lereng bukit diandaikan sebagai punca berlakunya tanah runtuh malah, aktiviti pertanian

pindah disenaraikan sebagai penyebab utama kepada komposisi tanah yang tidak stabil.

Sungguhpun begitu, tanah yang diusahakan untuk tujuan pertanian memberi makna kepada kehidupan penduduk di Ulu Kiulu. Penanaman padi, getah, buah-buahan, tanaman kontan seperti sayur kekacang, pisang dan keledak memberi pulangan yang besar bukan setakat dalam konteks keuntungan terutama jika ditinjau dari perspektif perniagaan tani malah lebih dari itu sara hidup bagi isi rumah di kawasan ini. Walau bagaimanapun, pemilik tanah umumnya akur dan memilih untuk mengambil sikap tunggu dan lihat terhadap sebarang tindakan pihak agensi kerajaan yang berkenaan. Dua faktor utama yang boleh menjelaskan situasi ini adalah faktor taraf pendidikan pemilik tanah yang agak rendah dan kegagalan fungsi dokumentasi hak milik tanah serta kerenah birokrasi di agensi kerajaan peringkat daerah yang telah secara langsung memberi kesan kepada kefahaman penduduk terhadap tindakan pihak tertentu ke atas tanah-tanah mereka.

Analisis 'Bingkai' Berita Dasar Guna tanah Untuk Pertanian Pindah

Isu	Sumber Berita	Laporan Akhbar	Rumusan Analisis 'bingkai' berita
Dasar Guna Tanah Untuk Pertanian Pindah	Menteri Pertanian Dan Industri Makanan Negeri Sabah	"HENTI BUKA TANAH PERTANIAN DI CERUN BUKIT ELAK TANAH RUNTUH" Harian Ekspres (2004)	Berdasarkan TIGA [3] tajuk berita ini jelas menunjukkan bahawa untuk tempoh tidak sampai satu bulan dari tarikh dasar dihebahkan menerusi media, tema gunatanah untuk pertanian pindah menjadi intipati perdebatan antara TIGA [3] pihak, 1. Menteri KPIMS, 2. Ahli Parlimen Tuaran, dan; 3. Ahli Forum Native Customary Land Rights (NCLR) SUHAKAM. Ketiga-tiga laporan berita ini dilaporkan mengikut dimensi sumber masing-masing.
	Ahli Parlimen Tuaran,	"UPKO LAUDS STUDY ON HIGHLAND DEVT" (DAILY EXPRESS 2004)	
	Ahli Forum Native Customary Land Rights (NCLR) SUHAKAM	"BANKING ON SUHAKAM TO RECTIFY THE WRONGS" (DAILY EXPRESS 2004)	

'Bingkai' Berita Tuntutan Hak Milik Tanah

Kebanyakan tanah di Ulu Kiulu sebenarnya dibuka untuk tujuan pertanian selain daripada petempatan penduduk. Sebagai kawasan perkampungan, kebanyakan tanah dibuka seawal tahun 1960an. Kini tanah yang telah diduduki selama lebih kurang 30 tahun itu bukan setakat bertambah dari segi saiz malah juga bertambah dari segi kepelbagaian seperti kegunaan untuk penanaman getah, padi bukit, pokok buah-buahan dan juga tanaman kontan yang dilakukan secara pertanian pindah.

Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan besar penduduk yang juga pemilik tanah di Kg. Pukak, Rugading dan Bulotikon di Ulu Kiulu berpendapat bahawa sistem permohonan tanah tidak diselia dengan baik. Kebanyakan masalah pemilik tanah adalah berkaitan dengan saluran dan prosedur permohonan tanah itu sendiri. Sistem permohonan dan pemprosesan permohonan tanah didapati gagal memberi manfaat kepada pemilik tanah yang umumnya telah mengusahakan tanah mereka lebih 30 tahun yang lalu. Kebanyakan pemilik tanah terbabit berpendapat bahawa pegawai-pegawai di agensi pentadbiran dan penguatkuasaan peraturan serta undang-undang tanah dikatakan bersikap sambil lewa, cuai, lambat dan kerap kali mengabaikan pertanyaan berkaitan dengan permohonan tanah mereka.

Isu birokrasi di agensi kerajaan Negeri seperti ini sebegini seringkali ditimbulkan sebagai punca berlakunya kelewatan malah juga kegagalan penduduk untuk membuat urusan berkaitan dengan tuntutan hak milik tanah mereka.

Analisis 'Bingkai' Berita Tuntutan Hak Milik Tanah

Isu	Sumber Berita	Laporan Akhbar	Rumusan Analisis 'Bingkai' Berita
Tuntutan Hakmilik Tanah	Wakil penduduk Kampung Tomis manggi pangi, Kiulu dan Kg. Tomis Lama, Kiulu.	"6000 PENDUDUK KAMPUNG MAHUKAN TANAH ADAT DIPULANGKAN KEPADA MEREKA" (NEW SABAH TIMES 2004)	Tema tuntutan hakmilik tanah adat dan urusan pengukuran sempadan tanah untuk tujuan mendapatkan geran sah oleh pemilik tanah menjadi fokus pemberitaan DUA [2] akhbar tempatan. Sumber berita ahli politik dilihat cuba memperjuangkan hak pemilik tanah dengan menggesa agensi kerajaan Negeri agar melakukan sesuatu demi penyelesaian masalah secara adil dan saksama.
	Ahli Parlimen Tuaran	"MP: APPROVE GENUINE NCR LAND DIRECTLY" (BORNEO POST 2004)	
	Ahli Parlimen Tuaran	"SABAH NATIVE LAND TO BE MAPPED OUT " (BORNEO POST 2001)	

Penutup

Stocking dan Gross¹⁵ menyatakan bahawa tanggungjawab sosial sesebuah organisasi media adalah berpaksikan kepada peranan media itu sendiri sebagai the "fourth estate" dalam sesebuah negara. Peranan akhbar di kedudukan ini memberi impak kepada tugas para wartawan akhbar untuk menentukan bahawa wujud elemen *checks and balances* dalam sistem masyarakat yang menjadi pembaca akhbar tersebut dan dengan hal yang demikian ia sekaligus membantu "estate" pertama, kedua dan ketiga iaitu, legislatif, eksekutif dan kehakiman sesebuah negara untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab yang sepatutnya kepada masyarakat.

Wartawan mungkin dilabelkan sebagai *"watchdogs"* atau *"guardians of the public interest"*. Walau bagaimana pun, tidak semua akhbar berperanan sebagai *"watchdogs"*. Sebilangan editor akhbar tempatan Sabah berpendapat bahawa ada isu yang boleh diketengahkan sebagai laporan berita dan ada juga yang dikategorikan sebagai sensitif dan tidak boleh sewenang-wenangnya dipaparkan dalam akhbar. Hal-hal yang berunsur sentimen seperti agama, bahasa dan kaum di negara ini perlu dielakkan daripada wujud dalam bentuk laporan berita. Sungguhpun begitu, isu sosial dan ekonomi yang umumnya membabitkan rakyat dan Kerajaan Negeri Sabah adalah isu pembangunan negeri Sabah dan ia perlu dilaporkan walaupun secara langsung ia memberi impak kepada reputasi sesebuah agensi kerajaan yang diberikan tanggungjawab untuk menangani isu tersebut. Walau bagaimana pun impak kepada reputasi ini sebenarnya membawa kebaikan kepada kedua-dua belah pihak terutama dalam usaha rakyat untuk mendapat pembelaan yang sewajarnya daripada pemerintah. Demikianlah juga dengan setiap agensi kerajaan negeri dalam rangka rancangan mereka untuk mencapai matlamat masing-masing dalam pentadbiran dan pengurusan agensi yang berkenaan.

Akhbar tempatan Sabah berperanan sebagai wadah penghubung antara pemimpin pendapat, SUHAKAM dan agensi kerajaan. Fungsi akhbar secara total hakikatnya adalah untuk menyediakan ruang bagi setiap pihak menilai peranan masing-masing dalam menangani isu tanah di Ulu Kiulu. Isu yang timbul di tengah-tengah masyarakat terutama di kalangan pemilik tanah di Ulu Kiulu adalah bersifat pecahan dan sub-set kepada isu perundangan dan pembangunan sematamata. Keputusan yang diambil oleh pihak editor akhbar tempatan untuk memperlihatkan usaha terancang untuk mbingkaikan kandungan berita dengan adalah nyata iaitu untuk menentukan reka letak dan kedudukan pihak berwajib serta hala tuju isu yang dilaporkan dalam berita berkenaan.

Matlamat mutlak berita yang dibingkaikan adalah, pertama, untuk mendapatkan perhatian pihak pembaca menerusi persepsi mereka terhadap pihak SUHAKAM, pemimpin pendapat dan agensi kerajaan negeri yang disebutkan dalam laporan berita. Di pihak kerajaan negeri pula, apa yang diharapkan adalah tindakan susulan terhadap isu yang dibingkaikan dalam laporan berita akhbar tempatan sama ada memihak kepada pemilik tanah mahu pun menyebelahi pihak agensi Kerajaan Negeri. Secara tidak langsung, kedua-dua bentuk maklum balas sama ada persepsi pembaca akhbar atau tindakan pihak Kerajaan Negeri ini memberi impak kepada kedudukan ketiga-tiga sumber berita tersebut. Apa yang jelas di sini pihak akhbar tempatan di Sabah sudah melaksanakan fungsinya untuk mengetengahkan isu agar mendapat perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya daripada semua pihak di Negeri ini. Langkah seterusnya yang perlu diambil oleh pihak berkenaan; pertama, meningkatkan daya usaha untuk menangani permasalahan yang dihadapi oleh pemilik tanah di Ulu Kiulu seperti yang dilaporkan oleh akhbar yang berkenaan, kedua, menyusun semula tatacara mengurus dan mentadbir mana-mana permohonan untuk hak milik tanah di Sabah, 3. mengenal pasti bidang kuasa agensi kerajaan Negeri dan kesan langsung atau tidak langsung tindakan agensi berkenaan ke atas tanah dan pemilik tanah di Ulu Kiulu. Jika laporan berita akhbar masih berterusan dan meningkat dari segi kekerapan paparan isu tanah di Ulu Kiulu, hujah yang perlu diperdebatkan lebih lanjut lagi adalah tentang bagaimana pembaca dan Kerajaan Negeri menilai dan memberi maklum balas ke atas laporan berita berkaitan dengan isu tanah ini.

Nota hujung

- ¹ C.A. Gunther & T.C. Christen, "Projection or Persuasive Press? Contrary Effects of Personal Opinion and Perceived News Coverage on Estimates of Public Opinion," *Journal of Communication*, 52 (2002), 12
- ² Ibid., 14
- ³ J.W. Rhee, "Strategy And Issue Frames In Election Campaign Coverage: A Social Cognitive Account Of Framing Effects," *Journal Of Communication*, 47 (1997), 17.
- ⁴ Faridah Ibrahim. "Falsafah dan Etika Kewartawanan Di Malaysia: antara Tuntutan Profesionalisme Dan Kepentingan Industri," *Jurnal Komunikasi*, 19 (Disember 2003), 20.
- ⁵ Stanley J. Baran & Dennis K. Davis. *Mass Communication Theory. Foundations, Ferment and Future*, (Belmont : Thomson Wadsworth, 2003), 105.
- ⁶ Douglas M McLeod & Benjamin H. Detenber, "Framing Effects of Television News Coverage of Social Protests," *Journal of Communication*, 49 no. 3 (June 1999), 4.
- ⁷ Haryati Abdul Karim, *Teori Framing, Kewartawanan Keamanan Dan Kegunaannya Dalam Liputan Berita Antarabangsa*, (Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit UMS, 2006), 3.
- ⁸ Ibid.
- ⁹ R. Entman, "Framing: Toward Clarification of a Fractured Paradigm," *Journal of Communication*, 43 no. 4, (1993), 53.
- ¹⁰ Haryati Abdul Karim, *Teori Framing*, 2.
- ¹¹ Mohd. Hamdan Haji Adnan, *Pendapat Umum* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 5.
- ¹² Ibid.
- ¹³ Pradip N. Thomas & Zaharom Nain (ed.), *Who Owns the Media: Global Trends and Local Resistances*, (Pulau Pinang: Southbound Sdn. Bhd., 2004), 4.
- ¹⁴ "Isu Tanah: Sabah Timbang Tubuh Suruhanjaya Siasatan," *The Borneo Post*, 1 Disember 2005.
- ¹⁵ S. Stocking and P. Gross, "Understanding Errors and Biases That Can Affect Journalists," *The Journalism Educator*, 44 no. 1 (1987), 4.